



Isu keterancaman keselamatan perairan Mersing dan pulau-pulau di sekitarnya

Azima Manaf¹, Suhana Saad¹, Mohd Yusof Hussain¹

¹Pusat Pengajian Sosial, Pembangunan dan Persekitaran, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Kebangsaan Malaysia

Correspondence: Azima Manaf (email: azima@ukm.my)

Abstrak

Kawasan perairan Mersing termasuk pulau-pulau di sekitarnya telah digazetkan sebagai Taman Laut pada tahun 1985 disebabkan oleh kerajaan ingin memelihara khazanah marin dan juga artifak bernilai yang terdapat di dasar laut. Sebagai kawasan terpelihara, namun Taman Laut sering menghadapi keterancaman disebabkan oleh tindakan manusia sendiri. Makalah ini bertujuan meneliti isu keterancaman keselamatan Taman Laut Mersing dan membincangkan usaha mengekalkan keselamatan serta pemuliharaan Taman Laut ini. Kaedah pengutipan data adalah melalui maklumat sekunder daripada Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia Jabatan Marin, Jabatan Taman Laut Johor, Jabatan Perikanan dan Polis Marin, akhbar serta data primer melalui temu bual bersemuka. Kajian ini mendapati, pulau-pulau di sekitar Mersing sedang menghadapi isu yang dikaitkan dengan ancaman lanun, pencerobohan nelayan asing, pelanggaran syarat menangkap ikan dan juga kecurian artifak bernilai di dasar laut. Makalah ini juga turut membincangkan beberapa implikasi ancaman tersebut dan mengemukakan beberapa cadangan yang perlu ke arah melindungi keselamatan perairan Mersing ini.

Katakunci: Akta Imigresen, Akta Perikanan, Akta Taman Laut, keselamatan maritim, pemuliharaan, Taman Laut

Security threat issues in Mersing waters and the surrounding islands

Abstract

Mersing waters including their islands were gazetted as a marine park in 1985 mainly because the government wants to preserve the marine treasures and valuable artifacts found on the seabed. As protected areas, marine parks are so vulnerable to damage mostly caused by human action. This article aims at examining the threats faced by Mersing Marine Park and to discuss efforts in maintaining the security and preservation of the marine park. Data collection was done through secondary sources such as from the Malaysian Maritime Enforcement Agency Marine Department, Johor Marine Park Department, Fisheries Department and Marine Police, newspapers. Primary data was collected through personal interviews. The study reveals that the islands around Mersing are facing issues associated with the threat of piracy, invasion by foreign fishermen, breaching of fishing conditions and selling of valuable artifacts from the seabed. This article also discusses some implications of the threats and proposes security measures that can be taken to protect Mersing waters.

Keywords: conservation, Fisheries Act, Immigration Act, Marine Park, Marine Park Act, maritime security

Pengenalan

Pewartaan perairan Mersing dan pulau-pulau di sekitarnya sebagai Taman Laut di bawah seksyen 41 dan 45 Akta Perikanan 1985 dijangka dapat memberikan impak terhadap ekosistem marin semulajadi

kawasan tersebut. Penubuhan Taman Laut Mersing juga adalah bertujuan untuk melindungi dan memelihara pelbagai habitat serta hidupan marin akuatik di samping menerapkan kefahaman dalam kalangan penduduk supaya melindungi keindahan khazanah negara. Sehubungan itu beberapa peruntukan telah diwujudkan seperti pengeluaran lesen, pengisytiharan Taman Laut Mersing atau Rezab Laut dan Zon Ekonomi Eksklusif (ZEE) (Azima et al., 2011). Peruntukan ini juga bertujuan untuk mengekalkan kelestarian pulau-pulau yang berada di sekitar taman laut tersebut.

Kebanyakan pengkaji tentang Taman Laut lebih cenderung untuk meneliti impak pengisytiharan tersebut terhadap keadaan sosio-ekonomi penduduk pulau. Pengkaji seperti Irene (2002), James et al. (2002) serta Rosemarie (2008) menekankan impak negatif terhadap penduduk apabila sesebuah pulau diisytiharkan sebagai kawasan perlindungan marin (*Marine Protected Area*). Isu keselamatan akibat pewartaan taman laut tidak disentuh dalam kajian sebelum ini. Sebagai kawasan perairan yang kaya dengan khazanah marin, isu keterancaman Taman laut harus diberikan perhatian utama. Kawasan perairan Taman Laut Mersing ini sering menjadi tumpuan nelayan asing yang datang secara tidak sah untuk menangkap ikan. Kejadian rompakan juga sering berlaku di kawasan perairan ini dan turut melibatkan warga asing terutamanya dari Indonesia dan Thailand. Isu keselamatan ini bukan sahaja menjadi cabaran kepada pihak berkuasa tetapi juga mendatangkan masalah kepada penduduk terutama yang tinggal di pulau yang terletak jauh dari tanah besar. Antara pulau tersebut adalah Pulau Aur, Pulau Sibu dan juga Pulau Pemanggil. Kawasan sekitar pulau ini terutamanya Pulau Aur sering menjadi ancaman pendaratang asing yang tidak memiliki dokumen perjalanan yang sah. Sekaitan itu, kajian ini bertujuan untuk meneliti isu berkaitan keterancaman perairan Mersing yang telah diwartakan sebagai Taman Laut serta mengemukakan beberapa cadangan ke arah menangani isu keterancaman kawasan perairan ini. Keadaan ini menyebabkan pihak berkuasa di Mersing mempunyai tanggungjawab yang begitu besar untuk melindungi dan memelihara kelestarian Taman Laut ini.

Metod

Pengumpulan data bagi kajian ini ialah melalui sumber primer dan sekunder daripada Jabatan Marin dan Jabatan Taman Laut Johor, Jabatan Perikanan, Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM) dan Pasukan Gerakan Marin, akhbar serta data primer melalui temubual bersemuka yang dilakukan pada Julai 2010. Data diperlukan bagi membuktikan wujudnya isu yang berkaitan dengan keterancaman pulau-pulau di sekitar Mersing. Tujuan temu bual bersemuka ini adalah untuk mendapatkan maklumat lebih mendalam berhubung dengan isu keterancaman pulau seperti yang tercatat dalam data jabatan yang terbabit.

Taman Laut di bawah Akta Perikanan 1985 (Akta 317)

Pewartaan Taman Laut adalah bertujuan untuk memelihara dan memulihara kehidupan akuatik laut daripada pupus akibat kegiatan manusia atau kejadian semulajadi. Akta Taman Laut telah menetapkan beberapa perkara yang berkaitan dengan pewartaan kawasan tersebut, antaranya;

- (a) memberi perlindungan khas kepada flora dan fauna akuatik di kawasan itu atau di sebahagian daripada kawasan itu dan untuk melindungi memelihara dan mengawal tapak pembiakbaik semulajadi dan habitat hidupan akuatik, dengan memberi perhatian yang khusus kepada spesies flora dan fauna yang luar biasa atau yang mendatangkan bahaya;
- (b) membiarkan hidupan akuatik hidup semula di kawasan itu atau di sebahagian daripada kawasan itu di mana hidupan itu telah pupus;
- (c) menggalakkan pengkajian dan penyelidikan saintifik berkenaan dengan kawasan itu atau sebahagian daripada kawasan itu;
- (d) mengekalkan dan meninggikan keadaan asli dan daya pengeluaran kawasan itu atau sebahagian daripada kawasan itu; dan

- (e) mengawalselia aktiviti rekreasi dan lain-lain aktiviti dalam kawasan itu atau dalam sebahagian daripada kawasan itu untuk mengelakkan kerosakan yang tidak boleh dipulihkan kepada persekitarannya (Akta Perikanan, 1985).

Selain itu, pewartaan Taman Laut telah menguatkuasakan aspek yang berkaitan dengan kesalahan-kesalahan di bawah Akta Perikanan 1985 (Akta 317). Di bawah akta ini terdapat sepuluh kesalahan yang telah dicatatkan di bawah seksyen berserta dengan bentuk hukuman yang akan dikenakan, jika berlaku kesalahan seperti yang telah dicatatkan. Jadual 1 menjelaskan beberapa kesalahan di bawah Akta Perikanan 1985 (Akta 317) berserta denda yang akan dikenakan.

Jadual 1. Kesalahan di bawah Akta Perikanan 1985 (Akta 317)

Bil	Seksyen	Kesalahan	Hukuman
1.	8 (a)	Mengusahakan apa-apa aktiviti penangkapan ikan, mengendali atau membenarkan dikendalikan di Perairan Perikanan Malaysia (PPM) apa-apa vesel penangkapan ikan tempatan bagi maksud menangkap ikan tanpa lesen yang sah	Seksyen 25(b) denda tidak melebihi RM20,000 atau penjara tidak melebihi 2 tahun atau kedua-duanya
2.	8 (b)	Melanggar apa-apa syarat dalam lesen. Contoh i) menangkap ikan di kawasan yang dilarang ii) Menggunakan perkhidmatan nelayan asing dalam vesel tanpa kebenaran bertulis daripada Ketua Pengarah Perikanan	Seksyen 25(b) denda tidak melebihi RM20,000 atau penjara tidak melebihi 2 tahun atau kedua-duanya
3.	11(3)(a)	Mengendalikan peralatan ikan menangkap ikan di PPM tanpa lesen	Seksyen 25(b) denda tidak melebihi RM20,000 atau penjara tidak melebihi 2 tahun atau kedua-duanya
4.	11(3)(b)	Memiliki peralatan menangkap ikan di PPM tanpa lesen	Seksyen 25(b) denda tidak melebihi RM20,000 atau penjara tidak melebihi 2 tahun atau kedua-duanya
5.	14 (4) (b)	Mana-mana orang yang menggunakan lesen atau permit yang dikeluarkan atas nama mana-mana orang lain di bawah Akta ini adalah bersalah melakukan sesuatu kesalahan	Seksyen 25(b) denda tidak melebihi RM20,000 atau penjara tidak melebihi 2 tahun atau kedua-duanya
6.	15(1)(a)	Vesel penangkapan ikan asing menangkap ikan di PPM tanpa permit	Seksyen 25(a) Bagi nakhoda vesel-denda tidak melebihi 1 juta Bagi kru vesel-denda tidak melebihi RM100,000
7.	26(1) (a)	Menggunakan atau cuba menggunakan bahan letupan, racun dan pencemar, atau apa-apa perkakas yang menggunakan arus elektrik, atau alat yang dilarang bagi maksud membunuh, melali, mencacat atau menangkap ikan atau dengan apa jua cara menyebabkan ikan itu lebih senang ditangkap	Seksyen 25(b) –denda tidak melebihi RM20,000 atau penjara tidak melebihi 2 tahun atau kedua-duanya
8.	26(1)(b)	Membawa atau mempunyai dalam miliknya atau dibawah kawalannya apa-apa bahan letupan, racun atau pencemar atau apa-apa alat yang dilarang, dengan tujuan hendak menggunakan bahan letupan, racun atau pencemar atau perkakas atau alat yang dilarang itu, bagi apa-apa maksud yang tersebut dalam perenggan (a)	Seksyen 25(b) –denda tidak melebihi RM20,000 atau penjara tidak melebihi 2 tahun atau kedua-duanya
9.	27(1)	Memancing, mengganggu, mengusik, menangkap atau mengambil apa-apa mamalia akuatik atau penyu yang dijumpai di luar bidang kuasa mana-mana negeri dalam Malaysia	Seksyen 27(4) denda tidak melebihi RM5,000

10. 43 (1) mana-mana orang yang berada dalam taman laut atau rizab laut di PPM tanpa mendapat kebenaran bertulis daripada Ketua Pengarah-
- a) menangkap ikan atau cuba menangkap ikan
 - b) mengambil, mengalih atau memiliki mana-mana haiwan akuatik atau tumbuhan akuatik atau sebahagian daripadanya, sama ada yang hidup atau mati
 - c) memungut atau memiliki mana-mana karang, mengorek atau mengeluarkan pasir atau batu kelikir, membuang atau meletakkan apa-apa pencemar, mengubah atau memusnahkan tapak pembiak-baik semulajadi atau habitat hidupan akuatik atau memusnahkan mana-mana hidupan akuatik
 - d) membina atau mendirikan apa-apa bangunan atau lain-lain binaan atas atau yang merintang mana-mana tanah atau perairan dalam sesuatu taman laut atau rizab laut
 - e) melabuhkan mana-mana vesel dengan menjatuhkan apa-apa pemberat atau dengan menyangkut apa-apa jenis tali atau rantai, kepada mana-mana karang, batu atau lain-lain benda yang timbul atau
 - f) memusnahkan, mecacatkan atau mengalih apa-apa benda, sama ada bernyawa atau tidak bernyawa, dalam taman laut atau rizab laut
- Seksyen 25(b) denda tidak melebihi RM20,000 atau penjara tidak melebihi 2 tahun atau kedua-duanya

Nota: PPM – perairan Perikanan Malaysia yang meliputi perairan dalaman Malaysia, Laut wilayah Malaysia dan perairan kelautan yang termasuk dalam zon ekonomi eksklusif Malaysia

Sehubungan itu, Majlis Penasihat Kebangsaan bagi Taman Laut telah ditubuhkan dengan keanggotaannya melibatkan Kementerian Pertanian Malaysia, wakil Kerajaan Negeri yang berkenaan, wakil dari Kementerian Kewangan, wakil Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, Jabatan Perikanan, Jabatan Perlindungan Hidupan Liar dan Taman Negara, Lembaga Penggalakan Pelancongan Malaysia, Persatuan Sains Kelautan Malaysia, Dana Sedunia Alam Semulajadi Malaysia, wakil Persatuan Pencinta Alam Malaysia dan mana-mana anggota lain yang akan dilantik dari semasa ke semasa (Akta Perikanan, 1985).

Majlis Penasihat Kebangsaan bagi Taman Laut dan Rizab Laut berfungsi;

- (a) untuk menentukan garis panduan berkenaan dengan perlindungan, pemuliharaan, penggunaan, kawalan, pengurusan dan kemajuan kawasan-kawasan taman laut dan rizab laut bagi pelaksanaan di peringkat kebangsaan;
- (b) untuk menyelaraskan pembangunan mana-mana kawasan taman laut atau rizab laut dengan Kerajaan Persekutuan dan mana-mana pertubuhan perbadanan dan;
- (c) untuk memberi nasihat teknik kepada Kerajaan Negeri berkenaan dengan apa-apa projek pembangunan di mana-mana pulau yang terletak di dalam kawasan Taman Laut atau rizab laut (Akta Perikanan, 1985).

Sehubungan dengan itu juga, adalah menjadi tanggungjawab pihak berkuasa untuk mengawal serta menyelaraskan semua perkara yang berkaitan dengan Taman Laut dan rizab laut di kawasan perairan perikanan Malaysia. Justeru itu, beberapa peruntukan bertulis yang merangkumi kesalahan atau larangan tertentu telah digariskan yang membolehkan tindakan diambil oleh penguatkuasa. Antara kesalahan atau larangan tersebut termasuklah;

- (a) menangkap ikan atau cuba menangkap ikan;
- (b) mengambil, mengalih atau memiliki mana-mana haiwan akuatik atau tumbuhan akuatik atau sebahagian daripadanya, sama ada yang hidup atau mati;
- (c) memungut atau memiliki mana-mana karang, mengorek atau mengeluarkan mana-mana pasir atau batu kelikir, membuang atau meletakkan apa-apa pencemar, mengubah atau memusnahkan tapak pembiak-baik semulajadi atau habitat hidupan akuatik, atau memusnahkan mana-mana hidupan akuatik;

- (d) membina atau mendirikan apa-apa bangunan atau lain-lain binaan atas atau yang merintangai mana-mana tanah atau perairan dalam sesuatu taman laut atau rizab laut;
- (e) melabuhkan mana-mana vesel dengan menjatuhkan apa-apa jenis pemberat, atau dengan menyangkutkan apa-apa jenis tali atau rantai, kepada mana-mana karang, batu atau lain-lain benda yang timbul; atau
- (f) memusnahkan, mencacatkan atau mengalih apa-apa benda, sama ada bernyawa atau tidak bernyawa, dalam taman laut atau rizab laut,

Pelanggaran terhadap mana-mana seksyen akta tersebut merupakan satu kesalahan. Namun demikian peruntukan tersebut boleh dikecualikan jika sekiranya mana-mana individu atau kumpulan yang terlibat mendapat kebenaran bertulis terlebih dahulu daripada Ketua Pengarah sebelum memasuki kawasan Taman Laut berkenaan untuk melakukan aktiviti yang dibenarkan. Hal ini jelas termaktub dalam perkara (2) berkenaan kebenaran bertulis iaitu, "Kebeneran untuk melakukan mana-mana perkara yang tersebut dalam subseksyen (1) boleh diberi oleh Ketua Pengarah secara bertulis jika ianya adalah perlu bagi pengurusan yang sempurna ke atas taman laut atau rizab laut atau menurut apa-apa maksud yang tersebut dalam seksyen 41".

Perkara yang menjadi ancaman keselamatan di sini ialah apabila berlaku pencerobohan sama ada oleh warga asing atau warga tempatan dengan tujuan untuk melakukan kerosakan atau jenayah seperti menceroboh, mencuri, merompak dan sebagainya. Isu keterancaman taman laut ini menjadi semakin serius apabila berlaku insiden pencerobohan dan rompak yang boleh menjejaskan imej kawasan tersebut. Imej tidak selamat mempunyai kesan langsung ke atas ekonomi kawasan tersebut, terutamanya dalam konteks aktiviti pelancongan antarabangsa.

Dapatan kajian: Keterancaman Taman Laut di sekitar Mersing

Selain keindahan muka bumi serta kekayaan flora dan faunanya, kawasan Taman Laut Mersing dan pulau di sekitarnya juga kaya dengan pelbagai sumber alam lain, juga tinggalan artifaks bersejarah. Kawasan tersebut juga menjadi laluan kapal dagang dan nelayan. Kelebihan ini mengundang pelbagai pihak yang berkepentingan untuk mengambil kesempatan mengekplotasinya dengan pelbagai cara sama ada secara sah atau sebaliknya. Ini menimbulkan isu keselamatan yang serius kepada kawasan tersebut.

Agensi penguatkuasaan atau pihak berwajib yang bertanggungjawab menjaga keselamatan di kawasan perairan Mersing dan kawasan sekitarnya seperti Jabatan Perikanan Johor, Jabatan Laut Wilayah Selatan, Jabatan Alam Sekitar, Pejabat Tanah dan Galian Johor, Lembaga Pelabuhan Johor serta Unit Udara Polis telah berkerjasama menguatkuasakan undang-undang maritim bagi memelihara keselamatan dan kedaulatan perairan. Pada tahun 2008, operasi memantau aktiviti penambakan pasir, pengorekan pasir, rompak laut, pelanggaran syarat menangkap ikan, penyeludupan dan pencemaran marin telah dilakukan. Operasi tersebut turut meliputi Pulau Aur, Pulau Pemanggil dan Pulau Tinggi di Mersing (<http://www.mmea.gov.my>). Pulau Aur dan kawasan sekitarnya sering menjadi tumpuan pendatang asing yang masuk tanpa memiliki dokumen perjalanan yang sah. Oleh itu, pemantauan yang berterusan untuk melindungi kawasan yang terangkum dalam Taman Laut ini sangat penting.

Kegiatan mencuri artifak

Perairan di sekitar Mersing sering menjadi tumpuan kegiatan mencuri artifak bernilai tinggi dari kapal karam sehingga menyebabkan negara kerugian berjuta ringgit (Persatuan Sejarah Negeri Johor mstar.com.my). Lebih buruk lagi, kegiatan yang didalangi sindiket berpangkalan di negara jiran dan dibantu penyelam tempatan itu, turut mengakibatkan negara kehilangan sebahagian daripada warisan sejarahnya sendiri. Menurut Zaaba Abdul Samad selaku ahli jawatankuasa Persatuan Sejarah, pencuri artifak itu dipercayai menyamar sebagai pelancong yang mahu menyelam untuk melihat keindahan dasar laut di Mersing. Kegiatan haram itu selalunya dilakukan pada waktu malam bagi mengelak dikesan pihak berkuasa dan penduduk tempatan. Selepas berjaya menemui lokasi kapal karam terbabit, penyelam akan membawa naik muatan artifak sejarah seperti tembikar dinasti maharaja China yang bernilai tinggi di

pasaran antarabangsa. Artifak bersejarah itu akan dibersihkan daripada lumpur serta selut dan diseludup menyeberangi Tambak Johor ke Singapura. Pinggan tembikar dinasti Ming umpamanya dipercayai bernilai antara RM300 dan RM600 sekeping di pasaran artifak sejarah antarabangsa (Persatuan Sejarah Negeri Johor. mstar.com.my).

Kapal-kapal silam yang karam di perairan Mersing sekitar tahun 1400-1800 dipercayai sedang dalam pelayaran ke China, India dan Melaka sebelum karam akibat ribut taufan, serangan lanun atau terlanggar batu karang. Jabatan Muzium Kementerian Perpaduan, Kebudayaan dan Warisan menyedari tentang kegiatan sindiket mencuri artifak dasar laut di perairan Mersing dan menurut seorang pegawainya, perkara itu telah dilaporkan kepada Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia. Usaha mencari artifak bersejarah di dasar laut dalam lingkungan 12 batu nautika perairan negara memerlukan lesen daripada jabatan itu. Perairan Batu Puteh dan Terumbu Karang Tengah di Pengerang turut dipercayai mengandungi bangkai kapal-kapal dagang silam yang karam bersama muatan yang termasuk jongkong emas (Persatuan Sejarah Negeri Johor.mstar.com.my).

Penceroobohan warga asing

Selain kes curi artifak, terdapat beberapa masalah lain yang turut memberi ancaman kepada perairan Mersing. Antara ancaman yang paling ketara adalah kehadiran pendatang tanpa izin. Berdasarkan Jadual 2, dapat dikesan bahawa ancaman penceroobohan nelayan asing terutamanya dari Thailand dan Indonesia merupakan isu utama di perairan sekitar Mersing. Kebanyakan jenis kesalahan adalah di bawah Akta Imigresen 1959/63 (Akta 155), iaitu gagal mengemukakan pengenalan diri, tiada keterangan diri dan juga tiada dokumen perjalanan yang sah. Misalnya pada tahun 2007, dua kes penceroobohan telah dilaporkan di sekitar Pulau Aur. Pada tahun 2008, sebanyak lima kes berlaku di sekitar Pulau Aur dan selebihnya iaitu tiga kes di sekitar Pulau Sibul. Pada tahun 2009 pula, sebanyak enam kes dilaporkan berlaku di sekitar Pulau Aur dan satu kes di Pulau Sibul. Ternyata di sini bahawa Pulau Aur sering menjadi tarikan pendatang asing. Ini didorong oleh kedudukan pulau ini yang jauh dari tanah besar dan menjadi lokasi yang baik kepada pendatang sebagai pulau persinggahan mereka.

Jadual 2. Kes kesalahan yang dilaporkan di bawah Akta Imigresen pada tahun 2007-2010

Tahun	Jumlah kes	Jumlah pendatang
2007	2	3 Thailand
2008	8	11 Thailand 3 Myanmar 15 Bangladesh 6 Indonesia
2009	6	3 Thailand 8 Myanmar 3 Kemboja

*data tahun 2010 tidak diperolehi

Sumber: Pasukan Gerakan Marin

Berdasarkan Akta Imigresen 1959/63 (Akta 155) mana-mana orang yang bukan warga negara memasuki Malaysia tanpa memiliki permit masuk yang sah boleh didenda tidak melebihi RM10,000 atau dipenjarakan tidak melebihi lima tahun atau kedua-duanya dan hendaklah juga bertanggungjawab kepada sebatan tidak lebih daripada enam sebatan (<http://www.mmwa.gov.my>). Kehadiran warga asing tanpa kawalan yang sewajarnya boleh meningkatkan isu keterancaman kawasan tersebut. Jika tidak dikawal, warga asing lazimnya akan membentuk koloni dan terus bermastautin di kawasan tersebut. Jika ini berlaku, isu keselamatan dan keterancaman kawasan tersebut menjadi lebih kritikal lagi.

Penangkapan ikan secara yang dilarang

Penangkapan ikan secara terlarang di kawasan Taman Laut juga merupakan suatu ancaman kepada kelestarian dan keselamatan kawasan tersebut. Untuk tahun 2008-2009, terdapat enam kes di bawah kesalahan Akta Perikanan (Jadual 3). Kesemua kes ini dilakukan oleh warga tempatan. Kesalahan yang lazim dilakukan oleh vesel penangkapan ikan tempatan di bawah Akta Perikanan 1985 adalah melanggar syarat lesen vesel dan peralatan menangkap ikan. Ini termasuklah kesalahan menangkap ikan tanpa lesen dan menangkap ikan dengan menggunakan peralatan menangkap ikan yang dilarang. Syarat-syarat lesen yang sering dilanggar termasuklah menangkap ikan di zon penangkapan ikan yang dilarang, menangkap ikan di perairan negeri lain tanpa mendapat kebenaran bertulis daripada Ketua Pengarah Perikanan dan menggunakan perkhidmatan nelayan asing di atas vesel tempatan tanpa mendapat kebenaran bertulis daripada Ketua Pengarah Perikanan. Di bawah Akta Perikanan 1985 (Akta 317), Seksyen 11(3)(a) vesel penangkapan ikan asing, menangkap ikan di Perairan Perikanan Malaysia tanpa permit boleh dikenakan denda bagi nakhoda vesel – denda tidak melebihi 1 juta ringgit dan bagi kru vessel, denda tidak melebihi RM100,000 (<http://www.mmwa.gov.my>).

Jadual 3. Kes kesalahan yang dilaporkan di bawah Akta Perikanan pada tahun 2008-2009

Tahun	Jumlah kes	Jenis kesalahan
2008	3	<ul style="list-style-type: none">• Melanggar syarat lesen• Warga tempatan
2009	3	

*data 2010 tidak diperolehi

Sumber: Pasukan Gerakan Marin

Sementara itu perairan perikanan khususnya di Zon Ekonomi Eksklusif juga sentiasa dicerobohi vesel-vesel penangkapan ikan asing. Vesel ini menangkap ikan di Perairan Perikanan Malaysia tanpa permit dikeluarkan oleh Ketua Pengarah Perikanan. Vesel-vesel ini terdiri daripada nelayan Indonesia, Thailand, Vietnam, Filipina, Cina dan Singapura (Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia 2009). Kedatangan nelayan asing yang lengkap dengan peralatan canggih turut menggugat dan menjejaskan hasil tangkapan nelayan tempatan. Mereka ini kebanyakan beroperasi pada musim tengkujuh antara November hingga Mac untuk mengelakkan serbuan pihak berkuasa tempatan. Ketika musim ini juga pulau-pulau di sekitar Mersing terutamanya Pulau Aur menjadi lokasi persinggahan mereka kerana pada musim tengkujuh ramai penduduk berpindah ke Mersing. Menurut Akta Imigresen 1959/63 (Akta 155), membawa ke Malaysia dalam atau atas mana-mana kenderaan, vesel atau pesawat udara mana-mana orang yang bertentangan dengan Akta ini boleh didenda tidak kurang daripada RM10,000 dan tidak melebihi RM50,000 dan penjara tidak kurang daripada dua tahun tetapi tidak melebihi lima tahun dan hendaklah juga bertanggung kepada sebatan tidak lebih daripada enam sebatan (<http://www.mmwa.gov.my>).

Rompakan di laut

Kejadian rompakan di perairan Malaysia khususnya di kawasan perairan Pulau Tenggol dan Pulau Aur agak terkawal. Namun demikian, diperhatikan kejadian rompakan ke atas bot tunda di Selat Singapura semakin meningkat misalnya dua kes pada tahun 2008 dan empat kes pada tahun 2009 (Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia, 2009). Tahun 2009 mencatatkan jumlah tangkapan paling tinggi dan melibatkan penggunaan senjata seperti pistol dan parang (Jadual 4).

Jadual 4. Kejadian rompakan yang dilaporkan pada tahun 2007-2009

Tahun	Jumlah kes
2007	2
2009	6 (Cubaan merompak 2)

*Tahun 2008 tiada data diperolehi

Sumber: Pasukan Gerakan Marin

Terdapat dua kes yang dilaporkan pada tahun 2007 iaitu kejadian rompakan di Bandar Penawar dan Sg. Rengit. Kejadian ini berlaku apabila sebuah kapal yang dalam perjalanan dari Batam menuju ke Out Port Limit (OPL) di Tg. Stapa dan apabila sampai di kawasan Pulau Lima tiba-tiba sebuah bot laju menghampiri dari arah perairan Indonesia terus menghampiri kapal tersebut dan menyerang krew kapal berkenaan. Beberapa alat perhubungan dan navigasi kapal telah dirosakkan dan kesemua perompak berjaya melarikan diri. Dalam kejadian ini dua orang perompak bersenjata pistol dan enam orang perompak bersenjata parang (Pasukan Gerakan Marin).

Pada tahun 2009 terdapat satu kes rompakan berlaku berhampiran Pulau Aur apabila sebuah kapal tunda Topniche 5 dalam perjalanan dari Kemboja ke Singapura dirompak oleh lima lelaki. Menurut Pusat Perkongsian Maklumat Perisikan Perjanjian Kerjasama Serantau Membanteras Lanun dan Rompakan Bersenjata Ke Atas Kapal di Asia (ReCAAP), kapal tunda Topniche 5 ketika itu sedang menunda kapal Chrisniche 4 yang berdaftar di Singapura semasa ia diserang, kira-kira pukul dua pagi. Terdapat sembilan anak kapal Indonesia di atas kapal tunda itu semasa insiden, namun tiada kecederaan dilaporkan. Kumpulan lanun yang bersenjata pisau dan senjata api itu kemudiannya melarikan wang tunai serta barang-barang berharga milik anak kapal itu, termasuk telefon bimbit, komputer riba, jam, peralatan komputer, radio dan teropong (Bernama 29 Mei, 2009).

Secara umumnya, perairan di sekitar Mersing boleh dikatakan masih agak selamat. Namun, peningkatan kes jenayah laut, pencerobohan pendarat dan nelayan asing semakin menimbulkan ancaman kepada perairan tersebut. Pengisytiharan kawasan tersebut sebagai Taman Laut meningkatkan lagi keperluan untuk mengawal dan memulihara sumber asli, juga kekayaan lain yang terdapat di kawasan tersebut.

Perbincangan: Keterancaman Taman Laut dan langkah untuk mengatasinya

Pelbagai kes jenayah, insiden pencerobohan nelayan dan kehadiran warga asing di Taman Laut sekitar Mersing boleh meningkatkan kekritikalan ancaman kawasan tersebut. Taman Laut di sekitar Mersing adalah warisan yang perlu dilestarikan kewujudannya. Selain perlu melestarikan ekosistem marin yang menjadi habitat pelbagai hidupan laut termasuk sesetengah spesies ikan, udang, kerang-kerangan mahupun rumpai laut dikatakan semakin pupus, Taman Laut tersebut juga menempatkan pelbagai khazanah laut yang belum diketahui sepenuhnya. Ekosistem dan khazanah laut lainnya perlu dipelihara dan dipulihara supaya faedahnya dapat dinikmati bersama oleh generasi kini generasi akan datang. Keadaan yang terancam itu tidak boleh dibiarkan tanpa ada usaha memuliharanya. Bagi mengatasi masalah yang berkait dengan keterancaman pulau-pulau sekitar Mersing, maka beberapa cadangan telah diutarakan.

Tingkatkan darjah keselamatan

Pengalaman penduduk pulau di sekitar Mersing menunjukkan bahawa tahap keselamatan penduduk masih lagi agak rendah. Misalnya seorang penduduk yang menetap di pulau Aur dan bekerja sebagai nelayan dan mencari gamat mengatakan beliau sering didatangi oleh nelayan asing yang meminta pertolongan dan bantuan makanan daripadanya (Komunikasi dengan penduduk tempatan, 2011). Antara keperluan tersebut termasuklah beras, gula dan kopi. Kadang-kadang warga asing itu memasuki rumah yang dibiarkan kosong untuk mencari makanan. Penduduk yang berhijrah ke Mersing apabila pulang ke pulau,

mereka akan membeli keperluan asas seperti beras. Apabila pulang ke Mersing semula, bekalan makanan tersebut ditinggalkan sahaja dan ini menyebabkan pendatang asing memasuki rumah untuk mencari makanan. Semasa kedatangan pengkaji ke beberapa pulau di sekitar Taman Laut terutama Pulau Aur, hanya ada seorang pegawai polis yang bertugas. Bilangan anggota ini mungkin boleh ditambah untuk memantau kawasan sekitar supaya masalah kecurian dan paling penting masalah pencerobohan pendatang asing dapat dikurangkan. Pada bulan November hingga Mac kebanyakan nelayan asing datang dengan bot pukut tunda mereka dan menggunakan rumah penduduk tempatan yang telah berhijrah sebagai tempat persinggahan. Penambahan lebih ramai anggota polis dan kekerapan rondaan di sekitar pulau mampu mencegah pendatang atau nelayan asing ini menjadikan rumah-rumah kosong di sekitar kepulauan Mersing sebagai tempat persinggahan mereka.

Tiada langkah lain yang lebih efektif melainkan mempertingkatkan rondaan terutama pada musim pendatang asing mendarat pada musim monsun iaitu November hingga Mac. Ketika ini ramai nelayan tempatan yang menggunakan bot-bot kecil tidak dapat ke laut kerana monson. Hasil tangkap juga banyak ketika ini dan peluang ini telah diambil oleh nelayan asing yang datang dengan bot pukut tunda untuk menangkap ikan di perairan Mersing. Kerjasama antara jabatan atau pihak berkuasa amat penting untuk mempergiatkan rondaan laut. Peranan APMM dan Pasukan Gerakan Marin begitu penting sekali. APMM merupakan agensi penguatkuasa undang-undang di Zon Maritim Malaysia dan peneraju operasi Mencari dan Menyelamat (SAR) Maritim. Bidang kuasa APMM bermula dari *internal waters* hingga ke batas luar ZEE dan Pelantar Benua meliputi ruang di atas Zon Maritim Malaysia serta perairan Had Pelabuhan. APMM diperuntukkan kuasa penyiasatan bagi menyelenggara semua siasatan dan pendakwaan dan kuasa penguatkuasaan bagi semua kesalahan yang dilakukan di semua Zon Maritim Malaysia (Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia, 2009). Kerajaan juga bercadang menyerap anggota serta aset Pasukan Gerakan Marin dan Jabatan Perikanan ke dalam APMM untuk memperkasakan lagi agensi itu dan memastikan tiada pertindihan tugas (Utusan Malaysia 17 Februari, 2010).

Tingkatkan kerjasama penduduk

Seorang pengusaha chalet yang ditemui mengatakan mereka tidak kisah dengan kedatangan warga asing terbabit kerana mereka hanya datang mencari perlindungan untuk tiga bulan sahaja. Kebiasaannya selepas musim tengkujuh warga asing ini akan pulang ke negara asal mereka. Menurut beliau warga asing terutamanya dari Thailand tidak mengganggu penduduk tempatan. Mereka hanya tinggal di rumah-rumah kosong di belakang pulau berkenaan (Komunikasi dengan pengusaha tempatan, 2011). Salah seorang penduduk lagi yang sebelum ini telah berhijrah ke Mersing tetapi ketika beliau pulang ke rumahnya di Pulau Aur untuk bertemu dengan anaknya berkata bahawa mereka sudah biasa dengan keadaan seperti itu setiap musim tengkujuh banyak kapal-kapal besar nelayan asing datang. Bagaimanapun sehingga kini nelayan asing terbabit belum pernah mengganggu kehidupan mereka lagi (Komunikasi dengan penduduk tempatan, 2011). Sikap tidak endah penduduk tempatan turut mengundang warga asing mencari perlindungan di pulau itu. Kerjasama penduduk untuk memberikan maklumat kepada pihak berkuasa sangat penting. Walaupun mereka tidak diancam secara fizikal tetapi keperluan menjaga keselamatan dan kedaulatan negara adalah tanggungjawab semua rakyat. Selain isu keselamatan, kedatangan warga asing atau nelayan asing dengan bot pukut tunda sebenarnya banyak menjejaskan mata pencarian nelayan dan lebih penting penggunaan bot pukut tunda akan menjejaskan banyak khazanah marin di dasar laut. Berdasarkan Akta Imigresen 1959/63 (Akta 155), "membenarkan mana-mana imigran haram untuk masuk atau tinggal di mana-mana premis boleh dikenakan denda tidak kurang daripada RM5,000 tetapi tidak melebihi RM30,000 atau dipenjarakan tidak melebihi 12 bulan atau kedua-duanya bagi setiap imigran haram yang dijumpai di premis. Dalam kes pensabitan yang kedua atau seterusnya, denda tidak kurang RM10,000 dan tidak lebih RM60,000 atau dipenjarakan tidak lebih 2 tahun atau kedua-duanya bagi setiap imigran haram yang dijumpai di premis-premis", (<http://www.mmea.gov.my>). Oleh itu, usaha mengurangkan ancaman warga asing wajar ditingkatkan. Kerjasama penduduk tempatan sangat diperlukan untuk membantu pihak berkuasa meningkatkan usaha pengawalan keselamatan tersebut.

Kesimpulan

Secara keseluruhannya, pewartaan Taman Laut kini menghadapi cabaran besar untuk mengekalkan kelestariannya disebabkan oleh beberapa isu yang telah dibincangkan seperti rompakan, kecurian artifak bernilai dan pelanggaran syarat menangkap ikan. Peranan untuk membanteras pencerobohan warga asing tidak harus diserahkan sepenuhnya kepada pihak berkuasa sahaja. Kerjasama penduduk pulau amat penting untuk membantu pihak berkuasa membanteras pencerobohan warga asing. Mereka harus menyalurkan maklumat kepada pihak berkuasa dan sama-sama menjaga kedaulatan negara.

Penghargaan

Terima kasih kepada Pusat Penyelidikan Ekosistem Marin (EKOMAR) kerana menyumbangkan dan memberi peluang untuk menyertai ekspedisi Mersing 2010. Kepada komuniti Pulau Aur terima kasih di atas segala kerjasama dan maklumat yang diberikan.

Rujukan

- Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (2010) *Satria Maritim*. Jabatan Perdana Menteri, Putrajaya.
- Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (2009) *Laporan tahunan*. Jabatan Perdana Menteri, Putrajaya.
- Azima Abdul Manaf, Mohd Samsuddin, Mustaffa Omar (2011) Kesan pewartaan Taman Laut ke atas penduduk Pulau Tinggi, Mersing, Johor. *Journal of Tropical Marine Ecosystem*. Vol 1/2011.
- Bahagian Operasi/Risikan, Pasukan Gerakan Marin
- Irene Ngugi (2002) *Economic impact of marine protected areas: A case study of the Mombasa Marine Park (Kenya)*. *Jurnal of Social Sciences Graduate Student Association 1*. Marine Science Development in Tanzania and Eastern Africa, University of Texas, Dallas
- Indab J, Suarez-Aspilla (2004) *Community-based marine protected areas in the Bohol (Mindanao) Sea, Philippines 27* (1&2). Naga Worldfish Centre Quarterly, Silliman University Angelo King Center for Research and Environmental Management.
- James NS, Kathrn AC, Peter ME (2002) *Marine protected areas: Economic and social implication*. Resources for The Future, Washington.
- John CD (2002) *Zoning-lessons from the Great Barrier Reef Marine Park*. *Ocean & Coastal Zone Management 45*, 139-156. Conservation, Biodiversity & World Heritage, Australia.
- Robert SP, John EP, Lani MW (2004) *How is your MPA doing? A guidedbook of natural and social indicator for evaluating marine protected area management effectiveness*. IUCN Publication Services Unit, UK.
- Rosemarie Nyigulila Mwaipopo (2008) *The social dimensions of marine protected areas: A case study of the Mafia Island Marine Park in Tanzania*. International Collective in Support of Fishwoekers. India. Available from: <http://www.mmea.gov.my>.
- Persatuan Sejarah Negeri Johor. Available from: mstar.com.my.
- Pejabat Polis Cawangan Pulau Aur.
Utusan Malaysia, 17 Februari 2010.